

Qalam

KDN 3036

Sha'abān 1388

November 1968

Bilangan 217

60 sen.

Pejabat Agama Islam Selangor

Dalam Malaysia agama Islam dipandang sebagai agama rasmi dan ibu kota Malaysia adalah terletak di Selangor – yang menjadi pusat tumpuan seluruh umat kepadanya. Dengan yang demikian sedikit sebanyak, sungguhpun pejabat agama dan Majlis Agama Islam Selangor itu hak-hak negeri, tetapi keadaannya dengan sendirinya terkait dengan kedudukan negara yang berpusat di dalamnya.

Umpamanya, berita kemasukan orang-orang Melayu kepada agama Kristian, atau lain-lain perkara yang bersabit berlaku di dalam Kuala Lumpur, dengan sendirinya, dengan tak payah dielakkan mengenai kedudukan pejabat agama dan majlis agama Islam dan adat istiadat di tanah Selangor. Dengan demikian kedudukan pejabat agama dan majlis agama Islam dan adat istiadat Melayu Selangor, adalah paling termustahak dari pejabat-pejabat agama yang lain yang kedudukannya jauh dari pusat kerajaan Malaysia.

Kedudukannya menjadi pandangan yang utama bagi orang-orang luar. Gerak-gerinya diperhati dan menjadi tumpuan pandangan mereka. Kalau keadaan perjalanannya buruk, terpandang oranglah

buruknya – dan kalau baik terpandang oranglah baiknya – sebab ia tempat berulang-alik dagang lalu, sedang negeri-negeri yang lain tidak seperti kedudukan Selangor ini.

Begitulah mustahaknya kedudukan pejabat agama dan adat istiadat Melayu Selangor dan majlisnya, tetapi jika dibandingkan pula keadaan dan peruntukannya untuk perjalannya dengan Johor, Perak atau Kelantan umpamanya, adalah jauh tertinggal sama sekali. Perjalannya tidak dapat diselenggarakan sebegini rupa yang menunjukkan bahawa agama rasmi dan kuasa agama ada kepada sultan dan kerajaan negeri, kerana peruntukan kepada jabatan itu, sepanjang yang kita pandang daripada perjalanannya, sedikit sangat dan banyak digantungkan kepada wang zakat dan zakat fitrah semata-mata untuk bekerja lebih luas, sedang hasil dari usaha itu tidak tetap dan tidak memuaskan.

Untuk pejabat itu bekerja lebih wajar dan seimbang dengan kedudukan negeri yang terletak pemerintahan pusat di dalamnya, maka mustahaklah kerajaan negeri memberi peruntukan, sekurang-kurangnya seperti di Johor, dan hendaklah kerajaan pusat memberi bantuan khas kepadanya, supaya perjalanan jabatan agama dan adat istiadat Melayu Selangor dapat diluaskan dan dapat menjadi contoh kepada orang yang berulang-alik ke negeri ini. Peruntukan ini lebih besar ertiinya dari usaha-usaha yang lain seperti binaan-binaan masjid ataupun mesyuarat-mesyuarat besar kerana ia bemanfaat dan berfaedah kepada negara.

Hal ini semoga ada perhatian kerajaan negeri dan kerajaan pusat

supaya tidak sahaja orang hanya mendengar agama Islam agama rasmi di Malaysia, tetapi mendapati sekolah-sekolah agamanya tidak teratur, pejabatnya tidak sempurna dan tidak tersusun selayaknya kerana peruntukan kerananya¹ tidak mencukupi.

Telatah Dari Jamiyah

Kita adalah pencinta Jamiyah semenjak dari ditubuhkan hingga hari ini, walaupun kerapkali terbit perkara-perkara yang bertentangan faham di antara kita dengan Jamiyah yang terkenal juga dengan nama “Persekutuan Seruan Islam.” Kita mencintai Jamiyah kerana dasarnya yang utama ialah dakwah atau seruan Islam.

Untuk melaksanakan dakwah Islam yang dikehendaki, tentulah tiap-tiap anggotanya lebih dahulu mesti patuh dan menunjukkan dirinya berpegang teguh dengan ajaran-ajaran Islam. Kerana kalau mereka sendiri tidak melaksanakan tugas-tugas dan kewajiban serta peraturan-peraturan Islam, maka tidaklah ada apa-apa ertiinya pekerjaan seruan itu yang bermakna menyeru orang, tetapi ia sendiri tidak beramal dengan apa yang diseru dan ditugaskan kepadanya untuk menyeru itu.

Inilah salah satu asas yang ditaja oleh Mawlana Abdul 'Alim Al-Siddīqī yang menubuhkan Jamiyah di Singapura pada mulanya, sehingga bercabang ke Kuala Lumpur, Melaka, Perak dan seterusnya Pulau Pinang dan lain-lain negeri. beliau menghendaki supaya dakwah diperbesarkan dan umat Islam mestilah patuh kepada ajara-ajaran Islam, dan umat yang bukan Islam akan tertarik untuk memeluk Islam

¹ Ejaan sebetulnya kerajaannya

Rencana Pengarang

menerusi Jamiyah. Begitulah ia berdiri, dan begitulah ia ditaja sehingga berada hari ini.

Di dalam televisyen Malaysia pada 3 haribulan Oktober 1968 yang lalu, kita sangat bergembira menyaksikan kemajuan yang diperoleh oleh Jamiyah di Perak. Sebagai pencinta kepada Jamiyah tentulah kita bergembira kerana di sana telah ada sebuah taman asuhan wanita-wanita Islam dikeluarkan oleh wanita-wanita Islam sendiri yang nampaknya daripada gambar-gambar yang disiarkan di situ pada nisbah kebendaan adalah dapat dimegahkan.

Tetapi tiap-tiap kemegahan itu ada perkara yang mendukacitakan timbul, kerana kalau dilihat dari gambar-gambar itu, seakan-akan dapat dipandang bahawa badan itu tidak dipunyai oleh Jamiyah. Sebab dengan berterus-terang kita mengatakan bahawa dari pengerusinya sendiri tidaklah mengawal aurat wanita yang diwajibkan kepada perempuan-perempuan Islam menutupnya.

Kalau satu pertubuhan seruan Islam tidak melaksanakan peraturan dan tugas ini, maka sudah tentu tidak akan diharap badan-badan yang lain akan melakukannya. Padahal sepatutnya hendaklah badan-badan dakwah itu beramal dengan perintah-perintah yang disuruh ia membuatnya – bukan melanggarnya.

Kita tidak menghendakki supaya wanita-wanita Islam memakai burqaq, (hijab bertutup muka), tetapi hendaklah setiap anggota-anggota Jamiyah itu menutup aurat sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Qur'an dan al-Hadith dan menjadikan mereka

terlatih oleh mereka yang bakal bercampur kepada masyarakat beramal dan biasa dengan ajaran-ajaran Islam yang tersebut.

Kita mengetahui ada golongan-golongan kita yang memandang orang-orang yang menutup auratnya sebagai kolot, sebagai tidak perlu dan sebagainya, serta memandang rendah terhadap mereka, tetapi di tengah-tengah benua Eropah, seperti di Yugoslavia, menurut saudara Husin G. Tamshin yang melawat ke sana, perempuan-perempuan Islam di tengah benua Eropah itu memakai burqaq, - tetapi terpaksa membukanya apabila komunis pada tahun 1950 memperundang-undangkan mengharamkan burqaq, dan barang siapa menggunakaninya dipenjara. Tetapi wanita-wanita Islam di sana tetap memakai tudung kepala, menutup auratnya, sehingga apabila mereka mendengar syarahan agama di masjid-masjid, mereka masuk ke dalamnya dengan menutup aurat dan duduk di sebelah belakang dari tempat duduk lelaki.

Orang-orang Islam di Yugoslavia bilangan mereka hampir-hampir dua million

orang, dan agama mereka ditindas. Mereka diberi kelegaan sedikit hanya dalam masa tiga tahun ini, tetapi wanita-wanitanya tetap memelihara auratnya dengan baik. Apakah ini kolot?

Berbalik kepada Jamiyah Perak – kita mengharapkan supaya pemimpin-pemimpin Jamiyah itu mengubah sikap – jangan berlemah di dalam soal-soal seperti ini. Sepatutnya mereka menjadi contoh kepada umat, kerana hukum aurat wanita itu terang dinyatakan di dalam al-Qur'an ayat 31 Surah al-Nūr, dan di dalam beberapa hadith yang sahih, yang tidak boleh ditakwil-takwil. Yang kita percaya bahawa hukumnya sama seperti hukum sembahyang – berdosa besar kalau ditinggalkan, dan akan murtad kalau diinkarkan yang ia bukan dari hukum Allah.

Haraplah Jamiyah tegas dan tetap di dalam pendiriannya. Tegakkankah hak Tuhan dengan tidak melembutkan gigi dari lidahnya. Tidak ada ertinya sama sekali Jamiyah mendapat kemajuan tetapi perbuatan Jamiyah sendiri menentang dasar-dasar Islam.



Para perwakilan dari seluruh Malaysia yang hadir di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang ke 21 yang telah diadakan di Pentas Rosman Jalan Klang Kuala Lumpur pada 14-15 September yang lalu sedang asyik mendengar ucapan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak.